

Format baru laporan EIA akan diputuskan

U.M. - 4 AUG 1992

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Kerajaan mungkin akan memutuskan satu format Yang boleh dijadikan panduan dalam menyediakan laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) kerana ketetapan yang terlalu tinggi yang dipraktikkan sekarang didapati telah membantutkan beberapa projek pembangunan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika berkata demikian menegaskan, tanggungjawab EIA adalah kepada Kerajaan Persekutuan.

Katanya, beberapa keputusan Yang dibuat mengenai alam sekitar adalah terlalu tinggi dan menyebabkan beberapa projek penting yang perlu disegerakan tidak dapat berjalan.

Sebelum ini, Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Law Heing Deng berkata, kerajaan sedang mengkaji untuk melantik sendiri perunding EIA pada masa hadapan melalui senarai syarikat-syarikat perunding Yang kini sedang didaftarkan di kementerian tersebut.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempenyerusikan mesyuarat De-



DR. MAHATHIR

wan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini hari ini, Dr. Mahathir menambah, tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan memang mengutamakan alam persekitaran.

Malah katanya, kerajaan lebih bertanggungjawab dan peka jika dibandingkan dengan beberapa buah negara maju yang lain dalam soal alam sekitar ini.

Tetapi, katanya, kadang kala piawaian ataupun standard yang digunakan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam menyediakan EIA itu agak terlalu tinggi, malah lebih

tinggi daripada standard yang digunakan oleh negara-negara maju.

Tegas Dr. Mahathir, ini menyebabkan banyak projek penting tergendala sedangkan pertumbuhan negara amat penting dan tidak boleh ditangguh.

"Kadang-kadang kita juga dapati keputusan dalam EIA dibuat mengikut penilaian seorang individu atau beberapa orang sahaja.

"Jadi kita mungkin memerlukan satu format yang boleh dijadikan keputusan yang standard pada masa hadapan untuk mengelakkan sebarang gangguan pada projek-projek tertentu," ujarnya.

Mengenai tempoh yang diperlukan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk menyediakan EIA, Dr. Mahathir berkata, soal masa bukanlah perkara pokok.

Menurut Dr. Mahathir, kajian yang terlalu lama sehingga empat bulan untuk menganalisis sesuatu kawasan sebenarnya tidak diperlukan.

Sementara itu ketika ditanya mengenai mesyuarat hari ini, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata,

antara lain mesyuarat membincangkan konsep BN dan kesesuaiannya dengan rakyat Malaysia.

Mesyuarat juga, katanya, membincangkan peranan baru Dewan Pemuda dan Wanita BN.

"Pemuda BN akan mengadakan pertemuan khas di Beaufort, Sabah pertengahan September ini di mana pemimpin-pemimpin tertinggi BN termasuk saya akan turut hadir.

Ditanya apakah BN bersiap menghadapi pilihan raya di Sabah jika Dewan Undangan Negeri dibubarkan, Dr. Mahathir berkata, "kita bersiap sedia bila-bila masa sahaja untuk menghadapi pilihan raya."

Kepada soalan, apakah Dewan Tertinggi BN diberi taklimat khas mengenai perkembangan politik di Sabah, beliau berkata, taklimat mengenai perkembangan di Sabah tidak diperlukan kerana beliau sentiasa dimaklumkan.

Beliau juga berkata, perjumpaan hari ini adalah penting selepas lama tidak berjumpa sejak pilihan raya umum 1990.